

06/08/2001

Nik Aziz akui anak pernah ke Afghanistan

Nasir Hassan; Zulkofli Jamaludin; Shamshul Azree Samshir  
KOTA BHARU, Ahad - Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, mengakui anak lelakinya, Nik Adli, 34, yang ditahan pihak berkuasa mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) semalam, pernah mengunjungi Afghanistan.

Beliau berkata, anak keempatnya itu berkunjung ke negara berkenaan bagi menyokong perjuangan umat Islam di negara itu menentang pencerobohan tentera Rusia.

"Ketika dia (Nik Adli) belajar di Pakistan, dia pernah mengirim surat kepada saya memberitahu yang dia pergi ke Afghanistan. Sebagai seorang Islam, kita sepatutnya menolong orang Islam lain," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita sebelum berlepas ke Kuala Lumpur di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, di sini hari ini.

Nik Aziz berkata, tindakan anaknya itu adalah satu perkara biasa pada masa itu kerana sudah menjadi kewajiban umat Islam membantu umat Islam lain seperti dalam menentang penjajahan Rusia.

Beliau mengulas penahanan Nik Adli dan sembilan yang lain sejak Khamis lalu kerana dipercayai terbabit dalam kegiatan Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM) yang boleh memudaratkan keselamatan negara.

Anggota kumpulan itu dipercayai pernah mendapat latihan ketenteraan serta berjihad di Afghanistan dan Ambon, Indonesia.

Nik Aziz berkata, beliau tidak tahu menahu mengenai dakwaan pembabitannya dalam kumpulan militan agama kerana selepas kembali ke Malaysia, Nik Adli bertugas sebagai guru agama dan sering berkebun bersamanya.

Katanya, penahanan anaknya mengikut ISA menimbulkan `rasa ganjil' kerana sewajarnya pihak polis menggunakan pendekatan undang-undang biasa jika ingin menyoal siasat anaknya.

"Jika polis sekadar nak menyiasat mengenai pembabitannya dalam kegiatan itu, mereka boleh panggilnya ke balai polis dan tidak perlu ditahan mengikut ISA," katanya.

Ditanya sama ada beliau akan mengemukakan sebarang rayuan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berhubung penahanan anaknya itu, beliau berkata ia tidak perlu.

Di KUALA LUMPUR, Ketua Dewan Pemuda Pas, Mahfuz Omar, berkata parti itu tidak pernah menghantar ahlinya menjalani latihan ketenteraan di luar negara kerana yakin boleh menewaskan kerajaan Barisan Nasional (BN) melalui pilihan raya.

"Tanpa latihan ketenteraan, Pas sudah berjaya menawan Kelantan dan Terengganu melalui proses sistem demokrasi," katanya mengulas kenyataan Dr Mahathir yang mendedahkan ada segelintir ahli Pas diajar memikul senjata di luar negara dengan niat melakukan keganasan, termasuk menggulingkan kerajaan apabila pulang ke tanah air.

Perdana Menteri dilaporkan berkata, pada awal tindakan ahli KMM mendapat latihan bersama dengan puak militan agama seperti Taliban di Afghanistan, tidak menimbulkan sebarang syak.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata apabila KMM mahu mengadakan tindakan ganas, termasuk membunuh, merompak bank dan meletupkan bom, kerajaan tidak boleh benarkan berlaku di negara ini.

Mahfuz berkata, tindakan kerajaan mendakwa kononnya Pas menghantar ahli menjalani latihan ketenteraan bertujuan menakutkan rakyat supaya tidak menyokong pembangkang.

Di IPOH, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Zainal Abidin Zin, berkata

polis terpaksa menahan mereka yang dipercayai ahli KMM mengikut ISA bagi mengelak pengaruh kumpulan itu menular sehingga menggugat keselamatan negara.

Beliau berkata, polis mengesan bahaya yang mungkin timbul daripada kegiatan KMM sejak Mei lalu dan tidak teragak-agak menahan ahli kumpulan berkenaan mengikut peruntukan undang-undang sedia ada.

"Mesti ada bahaya. Apabila mereka ditangkap, bukankah ia beri kepentingan kepada negara. Mesti akan berlaku kerosakan dan pertumpahan darah (jika kumpulan itu dibiarkan terus bergerak).

"Kerajaan sedar akan berlaku kerosakan, bahaya dan kumpulan itu akan memporak perandakan negara pada suatu hari kelak," katanya ketika ditemui di Program Gerak Bersepadu Menjana Pemurnian Perjuangan Melayu, di sini hari ini.

Dengan penahanan terbaru itu, polis sehingga ini sudah menahan 19 ahli kumpulan berkenaan, termasuk dua yang mati selepas kejadian rompakan di Southern Bank di Petaling Jaya, Mei lalu.

Zainal Abidin berkata, polis menganalisis setiap bukti dan maklumat yang diterima membabitkan KMM, terutama dari aspek dorongan atau matlamat perjuangan kumpulan berkenaan.

"Kalau mereka sanggup rompak bank seperti yang berlaku sebelum ini, apakah tujuan sebenar mereka? Begitu juga dengan kekacauan lain yang ditimbulkan," katanya.

Mengenai penahanan Nik Adli, Zainal Abidin berkata:

"Itu proses biasa. Terpulanglah pada dia. Polis ambil tindakan terhadap sesiapa sahaja yang ada kaitan dengan kumpulan itu tanpa mengira latar belakang mereka."

Sementara itu, bekas aktivis Pas, Datuk Nakhaei Ahmad, ketika ditemui berkata pengaruh Barat yang cuba memecahbelahkan umat Islam seperti yang berlaku di Afghanistan semakin menular ke dunia Islam.

"Barat cuba membendung kebangkitan dunia Islam melalui pelbagai cara. Ini termasuk memperalatkan kumpulan Islam di sesebuah negara supaya rakyat bergaduh sesama sendiri seperti yang berlaku di Afghanistan," katanya.

(END)